

| | | | |
|-------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Saingan sengit gelaran Olahragawan, Olahragawati MASUM | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 21 May 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 1,270,667 | Readership | 3,812,000 |
| Section | Arena | Color | Full Color |
| Page No | 86 | ArticleSize | 238 cm ² |
| AdValue | RM 9,376 | PR Value | RM 28,127 |
| | | | |



Saingan sengit gelaran Olahragawan, Olahragawati MASUM

Azlan Muhammad Zain
azlanmz@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Saingan merebut anugerah Olahragawan dan Olahragawati Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2015 dijangka sengit membitkan atlet ternama negara.

Bagi calon Olahragawan, atlet perahu layar negara Khairulnizam Mohd Afendy bakal memberi cabaran sengit kepada peserta lompat kijang Hakimi Ismail.

Khairulnizam yang juga pelayar Universiti Teknologi Mara (UITM) meletakkan namanya pada tahap tersendirinya apabila layak ke Olimpik Rio, Ogos ini.

Hakimi yang masih mem-

buru tiket ke Rio memecahkan rekod Sukan SEA dan kebangsaan semasa temasya dwitahunan berkenaan di Singapura tahun lalu.

Turut dicalonkan Faiz Helmi Jali (hoki), Ashraf Haikal Rizal (ping pong) dan Muhammad Faizul Nasir (silat).

Ratu terjun negara Pandelega Rinong pula bakal menerima saingan sengit Fatin Nurfatehah Mat Salleh.

Pandelega yang juga pelajar Universiti Malaya pernah memenangi anugerah itu pada 2013 dan sudah melayakkan diri ke Olimpik Rio.

Nurfatehah Mat Salleh turut cemerlang apabila melakar sejarah meraih pingat emas pertama negara dalam siri Piala Dunia di Shanghai

tahun lalu selain tiga emas Sukan SEA Singapura.

Tiga calon lain ialah Cheong Jun Hoong (terjun), Fazira Mesnan (bola jaring) dan Khairulneeta Mohd Afendy (perahu layar).

"Kriteria pemilihan adalah prestasi semasa atlet selain perlu melepasi agregat minimum 2.0. Kami mahu atlet memberi keseimbangan dalam sukan dan akademik," kata Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Anugerah Sukan MASUM Datuk Hassan Basri Awang Mat Dahan semalam.

Anugerah kali ke-16 itu yang membabitkan 10 kategori bakal berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok, Kedah pada Khamis depan.



HASSAN (tengah) memegang trofi Olahragawan dan Olahragawati MASUM.